



جباٲن ڪٽوا منٽري ملاڪ

JABATAN KETUA MENTERI MELAKA (JKMM)

Kompleks Seri Negeri  
Hang Tuah Jaya  
75450 AYER KEROH  
MELAKA

Tel. : 06-333 3333 (Talian Utama)  
Faks : Pejabat Am Ketua Menteri 06-2328330  
Pejabat Setiausaha Kerajaan 06-2328350  
Portal  
Rasmi : www.melaka.gov.my

Ruj. Kami : JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 (25)

Tarikh : 20 Mei 2021

Semua Ketua Jabatan/ Agensi Negeri Melaka

Semua Pegawai Daerah Negeri Melaka

Semua Datuk Bandar/ Yang Dipertua

Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka

Semua Ketua Jabatan

Badan-Badan Berkanun dan Anak-Anak Syarikat

Semua Setiausaha Bahagian/ Pengarah/ Ketua Penolong Setiausaha

Jabatan Ketua Menteri Melaka

YBhg. Datuk / Datin / Tuan/ Puan,

*Handwritten signature and date: 28/5*

**ABD RASHID BIN RAHMAN**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Syarikat Air Melaka Berhad

*Royal*  
*Utk elesen oleh SAMS.*

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN JENAZAH DAN TANAH PERKUBURAN ORANG ISLAM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP) DI NEGERI MELAKA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) yang berkuat kuasa mulai 12 Mei 2021 sehingga 7 Jun 2021 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Khas Covid-19 Negeri Melaka Bil.11/ 2021 yang bersidang pada 18 Mei 2021 bersetuju untuk menggunakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pengurusan Jenazah dan Tanah Perkuburan Orang Islam dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) di negeri Melaka adalah seperti di Lampiran.



.../2

JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 ( &gt;S)

3. Sehubungan dengan itu, YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan adalah dipohon untuk **mengambil maklum dan tindakan susulan dalam kadar segera** kepada kumpulan sasar masing-masing mengenai keputusan Jawatankuasa Khas ini. YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan bertanggungjawab untuk memastikan semua SOP yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara dan Kementerian Kesihatan Malaysia dipatuhi sepenuhnya. YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan juga adalah dipohon untuk bekerjasama dalam melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan berdasarkan kepada semua sektor yang berkaitan dengan pihak YBhg. Datuk/ Datin/ Tuan/ Puan agar kita semua dapat memenangi perang terhadap wabak pandemik COVID-19 ini dengan jayanya.

4. Arahan ini berkuat kuasa serta merta sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) ditarik balik. Sebarang perubahan berkaitan arahan-arahan ini akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada keputusan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**( DATUK SALHA BINTI SALLEH )**

Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan)

b.p : Setiausaha Kerajaan Negeri

Melaka

s.k :

- i. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka

.../3

JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 (25)

- ii. YB Pengerusi Jawatankuasa Negeri Perumahan  
Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar
- iii. YB Pengerusi Negeri Jawatankuasa Negeri Kesihatan & Anti Dadah
- iv. Setiausaha Sulit Kanan kepada YAB Ketua Menteri Melaka
- vi. Ketua Polis Melaka, Ibu Pejabat Polis Kontinjen Melaka
- v. Ketua Penolong Setiausaha Kerajaan  
Unit Kerajaan Tempatan
- vi. Fail Timbul

.../4

JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 (٢٤)

Lampiran

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN JENAZAH  
DAN TANAH PERKUBURAN ORANG ISLAM DALAM TEMPOH  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN 3.0 (PKP 3.0)  
DI NEGERI MELAKA**

**A. PENGURUSAN JENAZAH PESAKIT COVID-19**

1. Pengendalian jenazah Covid-19 hanya **DILAKSANAKAN** di tempat yang diperakukan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Pengendalian Jenazah Covid-19 **HANYA** dilaksanakan oleh kakitangan KKM dan pengurus jenazah Covid-19 yang dilantik oleh Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM).
3. Pengendalian jenazah hendaklah dilakukan oleh **dua (2) orang** pengurus jenazah. Pengendali jenazah hendaklah memakai Pakaian Perlindungan Diri (Personal Protection Equipment – PPE) penuh sebelum pengurusan jenazah.
4. Jenazah diuruskan melalui **prosedur tayammum di atas “body-bag”**. Kemudian jenazah dikafankan menggunakan lapisan kain putih.

**Pengurusan Di Tanah Perkuburan :**

5. Pengurusan jenazah pesakit COVID-19 di tanah perkuburan akan **diselia** oleh **petugas Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)**.
6. Sekiranya **jenazah pesakit COVID-19 mempunyai waris** dan permohonan dari keluarga untuk disemadikan di tanah perkuburan kariah, keluarga hendaklah menguruskan **pengurusan penggalian kubur dengan kariah masing-masing**.
7. Sekiranya **jenazah pesakit COVID-19 tiada waris** atau pengebumian dilakukan di Tanah Perkuburan Bidadari, **Majlis Agama Islam Melaka**, persiapan tanah perkuburan perlulah dimaklumkan kepada **petugas tanah perkuburan MAIM**.
8. **Waris dan orang awam TIDAK DIBENARKAN** masuk ke kawasan perkuburan, kecuali yang dibenarkan oleh PKD untuk menurunkan jenazah.

.../5

JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 ( 2 )

9. Pasukan Pengurusan Jenazah Jabatan Agama Islam Melaka boleh digunakan untuk tujuan pengurusan jenazah di tanah perkuburan. **Pengendali jenazah** di tanah perkuburan hendaklah **TIDAK LEBIH** dari enam (6) orang tidak termasuk petugas dari PKD.

## **B. PENGURUSAN JENAZAH BEBAS COVID-19**

1. Setiap kematian dan maklumat pengkebumian **PERLU** dimaklumkan kepada **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)**.
2. Pemakluman kematian juga hendaklah dibuat kepada **Pegawai Masjid Kariah** dan juga jawatankuasa yang mengendaikan tanah perkuburan.
3. Pengurusan jenazah bebas COVID-19 **PERLU DILAKSANAKAN** di masjid dan surau sahaja.
4. Pengurusan jenazah bebas COVID-19 di rumah kediaman adalah **DIBENARKAN DENGAN KELULUSAN** Pejabat Kesihatan Daerah (PKD).
5. **Urusan persiapan jenazah bebas COVID-19** bagi proses mengkafan dan memandikan **DIBENARKAN** untuk diurus oleh **tidak lebih dari 6 (enam) orang** sahaja yang terdiri daripada Pegawai Masjid/ Surau dan waris.
6. **Proses mengkafan dan memandikan jenazah bebas COVID-19** boleh dibuat di tempat berikut:
  - i. **Masjid;**
  - ii. **Surau; dan**
  - iii. **Premis di bawah kawalan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dibenarkan sahaja.**
7. **Solat Jenazah** hanya dilaksanakan di masjid atau surau sahaja dan **TIDAK DIBENARKAN** dilaksanakan di rumah/ kediaman.
8. **Jumlah kehadiran jemaah Solat Jenazah** yang **DIBENARKAN** adalah mengikut **kapasiti bangunan masjid/ surau** dengan penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1.5 meter.
9. **Jawatankuasa masjid/ surau** perlu memastikan semua individu yang hadir bagi urusan persiapan jenazah bebas COVID-19 dan Solat Jenazah mematuhi garis panduan dan SOP yang telah ditetapkan.
10. Pengurusan jenazah bebas COVID-19 dan Solat Jenazah **PERLU** diselesaikan dalam tempoh masa yang paling **MINIMA**.

.../6

JKMM.UKT.100-7/1-1 Jld.7 (25)

**Pengurusan Di Tanah Perkuburan :**

11. Jenazah dibawa ke tanah perkuburan yang telah ditentukan dan **DIBENARKAN** diiringi oleh keluarga terdekat dengan **TIDAK MELEBIHI 20 orang** tidak termasuk petugas dan Pegawai Masjid/ Surau.
12. Pengurusan pengebumian hendaklah diselesaikan dalam tempoh masa yang paling **MINIMA**.
13. **Bacaan talkin BOLEH** dilaksanakan oleh Pegawai Masjid/ Surau dalam tempoh masa yang **MINIMA**.
14. Ahli keluarga arwah **PERLU SEGERA** bersurai selepas majlis pengebumian dan talkin selesai.

**Keperluan Individu Yang Hadir di Tempat Pengurusan Jenazah, Masjid, Surau dan Tanah Perkuburan :**

15. Semua individu yang hadir **PERLU**:
  - i. Mendaftar dalam **MySejahtera** atau;
  - ii. Membuat **pendaftaran secara manual** pada buku pendaftaran yang telah disediakan oleh pihak pengurusan;
  - iii. **Memakai pelitup muka**;
  - iv. **Membersihkan tangan dengan cecair pembasmi kuman**;
  - v. **Tidak bersalaman dan bersentuhan**; dan
  - vi. **Menjaga penjarakan fizikal 1.5 meter**.
16. Individu yang berumur **60 tahun ke atas** dan **kanak-kanak** di bawah umur 12 tahun **tidak digalakkan hadir**.
17. **Individu yang mempunyai gejala seperti demam, batuk, sesak nafas, sakit tekak dan selesema TIDAK DIBENARKAN hadir**.
18. **Jawatankuasa masjid/ surau PERLU** memastikan semua individu yang hadir **patuh kepada garis panduan dan SOP yang telah ditetapkan**.
19. **Jawatankuasa masjid/ surau PERLU** kerap melakukan proses **pembersihan dan nyah kuman ke atas permukaan yang kerap disentuh dan kawasan persekitarannya**.